KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	04.03.22	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JPN TERENGGANU /TNB			

lokal

Tiada aktiviti pembalakan haram di Tasik Kenyir

Hulu Terengganu: Tiada sebarang aktiviti pembalakan haram di sekitar Tasik Kenyir sehingga membawa impak kemusnahan yang sangat besar semasa banjir melanda Hulu Terengganu Ahad lalu.

Demikian tegas Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu Roslan Rani sekali gus menyangkal dakwaan sesetengah pihak termasuk netizen yang berkongsi maklumat tidak benar itu di media sosial.

"Sebaliknya, berdasarkan taklimat daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB), situasi yang berlaku adalah disebabkan terjadinya gelinciran tanah hingga menyebabkan tanah runtuh (berhampiran Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud (SJSM) di Kenyir) pada Ahad lalu.

"Semasa tanah runtuh itu juga berlakunya fenomena 'kepala air' yang turut menyebabkan banyak pokok berhampiran, sampah sarap yang lama, juga sisa kayu dahan dan ranting yang mati dihanyutkan ke dalam sungai.

"Ia menyebabkan seolah-olah berlaku 'banjir puing' kerana ada video yang tular di media sosial yang memaparkan ratusan kayu hanyut didakwa sebagai balak oleh orang ramai," katanya di sini, semalam.

Kelmarin, beliau meninjau keadaan runtuhan tanah di sekitar Empangan Jenagor dan Tasik Kenyir bersama Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Digital negeri Ariffin Deraman dan wakil TNB.

Mengulas lanjut, Roslan berkata, situasi sebenar yang terjadi di Tasik Kenyir adalah sama dengan kejadian di Bentong, Pahang pada akhir tahun lalu.

Situasi sebenar yang terjadi di Tasik Kenyir sama dengan kejadian di Bentong

Ditanya mengenai perancangan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu susulan kejadian tanah runtuh itu, beliau berkata, pihaknya akan membuat semakan lanjut dengan mengambil gambar menggunakan dron dan koordinat yang tepat lokasi berkenaan.

"Kita akan buat satu pemetaan pelan untuk perancangan dan juga tindakan selanjutnya yang boleh digunakan untuk kajian bagi mengenal pasti langkah yang lebih baik ke atas kawasan yang terjejas ini," katanya.

Kelmarin, TNB dalam satu kenyataan memaklumkan operasi SJSM ditutup sementara bermula Ahad lalu berikutan menara penghantaran voltan tinggi yang menyalurkan bekalan elektrik dari SJSM kepada Grid Nasional tumbang akibat kejadian tanah runtuh.

Hujan lebat luar biasa yang berterusan sejak Jumaat lalu mengakibatkan kejadian tanah runtuh yang turut memutuskan akses jalan keluar-masuk ke SJSM pada jam 4 pagi hari yang sama.

Aliran mendapan yang membanjiri kawasan stesen itu seterusnya mengalir ke Sungai Terengganu dan enam jam kemudian, berlaku satu lagi tanah runtuh yang menyebabkan sebuah jambatan serta menara penghantaran 132kV runtuh. Susulan itu, TNB segera menghentikan operasi SJ

Namun, sep tupan sement ngan kapasiti 4 itu, TNB memb bekalan elektrik kepada pengguna di Pantai Timur tidak akan terjejas kerana ia boleh ditampung melalui sumber penjanaan lain yang disalurkan menerusi sistem Grid Nasional.